



**DR 2 TAHUN 2021
DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEEMPAT**



**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
(PAC) PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN
MULTIMEDIA MALAYSIA (KKMM) DAN PERBADANAN
KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (FINAS)
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR9/2019)**

PROGRAM INSENTIF PENERBITAN FILEM DI MALAYSIA

AHLI-AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN KE 14

- | | | |
|-----|--|---|
| 1. | YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] | - Pengerusi |
| 2. | YB. Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort] | - Naib Pengerusi |
| 3. | YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] | |
| 4. | YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang] | |
| 5. | YB. Dato' Haji Mohd Fasiah bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam] | |
| 6. | YB. Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Lumut] | |
| 7. | YB. Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu] | |
| 8. | YB. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] | |
| 9. | YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] | |
| 10. | YB. Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa [Sipitang] | |
| 11. | YB. Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar] | |
| 12. | YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] | |
| 13. | YB. Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands] | |
| 14. | YB. Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit] | |
| 15. | YBrs. Tuan Nizam Mydin bin Bacha Mydin | - Setiausaha PAC /
Setiausaha Dewan Rakyat |

WAKIL TETAP KERAJAAN DALAM PAC *(EX-OFFICIO PAC PARLIMEN)*

1. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
2. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA)
3. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
4. Jabatan Audit Negara (JAN)
5. Jabatan Peguam Negara (AGC)
6. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)
7. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM)

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG
NEGARA (PAC) PARLIMEN KEEMPAT BELAS
TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN
MULTIMEDIA MALAYSIA (KKMM) DAN PERBADANAN
KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (FINAS)
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR9/2019)**

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG PROGRAM INSENTIF PENERBITAN FILEM DI MALAYSIA	1 - 8
2	TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (KKMM) DAN PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (FINAS) BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR2/2021)	9 - 17

**LAPORAN JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN BERHUBUNG
PROGRAM INSENTIF
PENERBITAN FILEM DI
MALAYSIA**



**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN**

**TERHADAP TINDAKAN SUSULAN
KEMENTERIAN KOMUNIKASI & MULTIMEDIA MALAYSIA (KKMM) DAN
PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (FINAS)**

**BAGI SYOR-SYOR
LAPORAN PAC PARLIMEN (DR9/2019)
BERHUBUNG**

**PROGRAM INSENTIF PENERBITAN FILEM DI MALAYSIA,
PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (FINAS) DI
BAWAH KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA
(KKMM)**

*LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KOMUNIKASI & MULTIMEDIA MALAYSIA (KKMM)
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR9/2019) BERHUBUNG
PROGRAM INSENTIF PENERBITAN FILEM DI MALAYSIA,
PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (FINAS)
DI BAWAH KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (KKMM)*

1. LATAR BELAKANG

Melalui mandat yang diberikan di bawah Perkara 77 (1) (c) dan 83 (2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, PAC Parlimen telah membincangkan mengenai Program Insentif Penerbitan Filem Di Malaysia, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) di bawah Kementerian Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (KKMM) pada 20 Ogos 2019 iaitu dalam prosiding bilangan 29/2019.

Isu ini adalah merupakan sebahagian daripada isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2018 Siri 1 yang dibentangkan di Parlimen pada 15 Julai 2019.

Dalam prosiding berkenaan, PAC Parlimen telah memanggil pihak-pihak yang berkepentingan dalam pengurusan Program Insentif Penerbitan Filem Di Malaysia iaitu Ketua Setiausaha KKMM, Pengurus FINAS dan Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) FINAS untuk memberi keterangan mengenai peranan dan penglibatan mereka dalam isu yang dibincangkan.

Pada 25 November 2019 Jawatankuasa ini, membentangkan Laporan PAC Parlimen Berhubung Program Insentif Penerbitan Filem Di Malaysia di bawah Kementerian Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (KKMM) di Dewan Rakyat.

Dalam laporan berkenaan, PAC Parlimen telah mengemukakan rumusan dan tujuh (7) syor yang perlu diambil tindakan oleh KKMM/FINAS.

Berdasarkan Arahan Perbendaharaan 304(b) menetapkan bahawa tindakan-tindakan berikut perlu diambil KKMM/FINAS selepas Laporan PAC Parlimen dibentangkan di Dewan Rakyat :

- i. FINAS perlu melaksanakan penilaian *outcome* bagi mengukur prestasi dan pencapaian program untuk menggalakkan perkembangan dan kemajuan

*LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KOMUNIKASI & MULTIMEDIA MALAYSIA (KKMM)
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR9/2019) BERHUBUNG
PROGRAM INSENTIF PENERBITAN FILEM DI MALAYSIA,
PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (FINAS)
DI BAWAH KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (KKMM)*

industri kandungan tempatan di samping mempromosikan Malaysia sebagai destinasi menarik bagi penggambaran filem luar negara.

- ii. FINAS perlu memastikan pengeluaran filem yang kreatif dan berkualiti tinggi serta melahirkan bakat tempatan untuk menarik pasaran antarabangsa.
- iii. FINAS perlu menjalankan kajian terperinci sama ada rebat atau pemberian geran adalah mekanisme pembayaran terbaik untuk mencapai objektif utama FIMI.
- iv. FINAS hendaklah menyediakan skop dan perincian tuntutan serta menambah baik tatacara tuntutan dan pembayaran rebat di peringkat PC dan FC secara khususnya dan menambah baik proses pembayaran rebat secara amnya bagi mengelakkan ketirisan dan perbelanjaan yang tersasar.
- v. FINAS hendaklah memantau dan menyimpan laporan dan kertas kerja pengauditan yang dijalankan oleh perunding audit swasta secara teratur.
- vi. FINAS harus mengambil kira keperluan meraih manfaat menerusi setiap pelaburan yang dibuat khususnya dalam aspek promosi dan pemasaran.
- vii. Kontrak perjanjian formal antara FINAS dengan firma audit hendaklah disediakan dengan jelas dan terperinci serta menjamin kepentingan Kerajaan.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) bersama-sama dengan Kementerian Komunikasi & Multimedia Malaysia (KKMM) dan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) telah memberikan taklimat berhubung Laporan Tindakan Susulan Pegawai Pengawal KKMM ke Atas Syor-syor PAC Parlimen bagi Prosiding DR9/2019 di hadapan PAC Parlimen pada 11 Januari 2021.

2. PENDAHULUAN

2.1 INSENTIF PENERBITAN FILEM DI MALAYSIA (*FILM IN MALAYSIA INCENTIVE - FIMI*)

- 2.1.1. FIMI ialah usaha kerajaan untuk menarik pelabur dalam penerbitan filem bagi menjalankan aktiviti perfileman di Malaysia. Dengan adanya insentif ini akan menjadikan Malaysia sebagai hub destinasi penggambaran dengan menawarkan 15% hingga 30% rebat tunai ke atas Perbelanjaan Kos Produksi di Malaysia/ *Qualifying Malaysia Production Expenditure* (QMPE) yang meliputi aktiviti pra produksi, penggambaran & pasca produksi tempatan dan antarabangsa.
- 2.1.2. Satu pembentangan “*Malaysia as a Global Filming Destination & Content Hub for Asia*” kepada Majlis Ekonomi yang diadakan pada 5 Mac 2012 telah meluluskan cadangan bagi penubuhan Insentif Penerbitan Filem Di Malaysia (FIMI).
- 2.1.3. Program FIMI telah mula dilaksanakan pada tahun 2013 dengan menggunakan peruntukan RMK10 (2013-2015) dan sehingga 2015 jumlah rebat yang telah diberikan adalah sebanyak RM147 juta yang menghasilkan nilai pelaburan (QMPE) sebanyak RM490 juta. Nilai ini melibatkan 31 buah projek yang terbahagi kepada 22 projek antarabangsa dan 9 projek domestik.
- 2.1.4. Pada 2016 Majlis Ekonomi telah meluluskan penyambungan program FIMI melalui RMK11 (2016 -2020). Sehingga 2020, nilai pelaburan (QMPE) adalah sebanyak RM467 juta yang merangkumi 43 projek (25 projek antarabangsa dan 18 projek domestik) dengan nilai rebat sebanyak RM136.02 juta.

2.1.5. Permohonan penyambungan program FIMI di bawah RMK12 telah diluluskan pada tahun 2021 sebagai projek sambungan.

2.2. PERBANDINGAN NEGARA-NEGARA YANG MENAWARKAN INSENTIF REBAT TUNAI

2.2.1. Pada masa ini sebanyak 24 buah negara menawarkan insentif seperti ini dan Malaysia merupakan negara pertama di rantau Asia yang kemudiannya diikuti oleh negara-negara seperti Thailand, Filipina dan China.

Jadual 1: Negara-negara Pesaing

THAILAND	<ul style="list-style-type: none"><i>Thailand Film Incentive</i> diwujudkan pada penghujung tahun 2017.Kerajaan Thailand juga menawarkan 15% + 5% rebatPermohonan dibuka kepada penggiat industri antarabangsa dan domestik di Thailand.
FILIPINA	<ul style="list-style-type: none"><i>Film Location Incentive Program</i> Filipina telah diperkenalkan pada tahun 2019.Filipina menawarkan 10%-40% maksimum rebat yang boleh diterima dan tidak melebihi USD195k.

2.3. OBJEKTIF FIMI

Majlis Ekonomi pada tahun 2016 telah meluluskan objektif FIMI seperti berikut:

- 2.3.1. Menggalakkan syarikat produksi tempatan dan asing untuk melakukan penggambaran filem di Malaysia dan menghasilkan filem yang bertaraf dunia.
- 2.3.2. Meneroka, memupuk dan meningkatkan kemahiran bakat tempatan dalam industri perfileman.

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KOMUNIKASI & MULTIMEDIA MALAYSIA (KKMM)
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR9/2019) BERHUBUNG
PROGRAM INSENTIF PENERBITAN FILEM DI MALAYSIA,
PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (FINAS)
DI BAWAH KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (KKMM)**

- 2.3.3. Membangunkan ekonomi setempat melalui penawaran perkhidmatan dan produk yang diperlukan oleh syarikat produksi.
- 2.3.4. Meningkatkan imej negara dan mewujudkan industri profileman yang berdaya saing.
- 2.3.5. Menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan filem.

2.4. KELAYAKAN MINIMUM NILAI PELABURAN *QUALIFYING MALAYSIA PRODUCTION EXPENDITURE (QMPE)*

- 2.4.1. FIMI terbahagi kepada 2 kategori iaitu projek antarabangsa dan projek domestik. Kelayakan minimum QMPE seperti berikut:

- a) Antarabangsa – nilai minimum pelaburan bagi permohonan projek antarabangsa yang menjalankan pra produksi, penggambaran dan pasca produksi adalah sebanyak RM5 juta dan ke atas, manakala bagi projek yang menjalankan pasca produksi sahaja adalah sebanyak RM1.5 juta dan ke atas.

Jadual 2: Kelayakan Minimum QMPE Antarabangsa

PRA PRODUKSI, PENGGAMBARAN & PASCA PRODUKSI	
QMPE MINIMUM	RM5 JUTA KE ATAS
NILAI REBAT	30%
PASCA PRODUKSI	
QMPE MINIMUM	RM1.5 JUTA KE ATAS
NILAI REBAT	30%

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN
 TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KOMUNIKASI & MULTIMEDIA MALAYSIA (KKMM)
 BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR9/2019) BERHUBUNG
 PROGRAM INSENTIF PENERBITAN FILEM DI MALAYSIA,
 PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (FINAS)
 DI BAWAH KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (KKMM)**

b) Domestik

- i. Bermula 2013 sehingga 13 April 2020, nilai minimum pelaburan bagi permohonan projek domestik yang menjalankan pra produksi, penggambaran dan pasca produksi adalah sebanyak RM2.5 juta dan ke atas, dan projek yang menjalankan pasca produksi sahaja adalah sebanyak RM500 ribu dan ke atas.
- ii. Berkuat kuasa 14 April 2020, nilai minimum pelaburan bagi permohonan projek domestik yang menjalankan pra produksi, penggambaran dan pasca produksi terbahagi kepada tiga (3) kelas di antara RM1.5 juta sehingga RM2.5 juta dan ke atas, manakala bagi projek yang menjalankan pasca produksi sahaja dikekalkan kepada RM500 ribu dan ke atas.
- iii. Pindaan QMPE domestik ini adalah selaras dengan teguran dari Jabatan Audit Negara (JAN) melalui Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2018 Siri 1.

Jadual 3: Kelayakan Minimum QMPE Domestik

		2013 SEHINGGA 13 APRIL 2020	BERMULA 14 APRIL 2020		
PRA PRODUKSI, PENGGAMBARAN & PASCA PRODUKSI					
QMPE MINIMUM	RM2.5 JUTA KE ATAS	RM2.5 JUTA KE ATAS	RM2.0 JUTA - RM 2.499 JUTA	RM1.5 JUTA – RM1.999 JUTA	
NILAI REBAT	30%	30%	20%	15%	
PASCA PRODUKSI					
QMPE MINIMUM	RM500 RIBU KE ATAS	RM500 RIBU KE ATAS			
NILAI REBAT	30%	30%			

2.5. PRESTASI PERBELANJAAN DAN IMPAK FIMI

- 2.5.1. FIMI menerima peruntukan di bawah RMK10 (2013 – 2015) sebanyak RM147 juta, dan telah dibelanjakan sepenuhnya, yang melibatkan nilai pelaburan (QMPE) berjumlah RM490 juta.
- 2.5.2. Manakala bagi tahun 2016–2020 FIMI menerima peruntukan di bawah RMK11 berjumlah RM162 juta, yang telah dibelanjakan sebanyak RM140 juta merangkumi nilai pelaburan (QMPE) sebanyak RM467 juta.
- 2.5.3. Hasil pelaburan projek FIMI turut dinikmati secara langsung oleh industri kandungan kreatif seperti syarikat produksi, pekerja produksi, sewaan peralatan produksi dan *costume*, dan secara tidak langsung oleh sektor pelancongan, sektor perhotelan, pengangkutan, katering, perundangan, peruncitan, hiburan dan lain-lain.
- 2.5.4. Sepanjang tahun 2013 sehingga Disember 2020 telah mencatatkan jumlah nilai pelaburan (QMPE) hampir mencecah RM1.0 bilion dan melibatkan 74 buah projek (47 projek antarabangsa dan 27 projek domestik).
- 2.5.5. Limpahan ekonomi terbesar adalah kepada pembayaran upah (gaji) kru tempatan iaitu sebanyak 60% (RM600 juta) daripada nilai keseluruhan pelaburan.

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN
 TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KOMUNIKASI & MULTIMEDIA MALAYSIA (KKMM)
 BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR9/2019) BERHUBUNG
 PROGRAM INSENTIF PENERBITAN FILEM DI MALAYSIA,
 PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (FINAS)
 DI BAWAH KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (KKMM)

Jadual 4 : Prestasi Perbelanjaan dan Impak FIMI

PERKARA	RMK10	%	RMK11	%	RMK 12
	(RM)/Juta 2013-2015		(RM)/Juta 2016-2020		(PROJEK SAMBUNGAN 2021) (RM)/Juta)
SILING	147		300		163.9
PERUNTUKAN DISALURKAN	147	100	162	54	
PERBELANJAAN SEBENAR	147	100	140	86.42	
PENCAPAIAN PELABURAN (QMPE)	490		467		

**TINDAKAN SUSULAN
KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA
(KKMM) DAN PERBADANAN
KEMAJUAN FILEM NASIONAL
MALAYSIA (FINAS) BAGI SYOR-
SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN**

DR2/2021

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN
 TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KOMUNIKASI & MULTIMEDIA MALAYSIA (KKMM)
 BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR9/2019) BERHUBUNG
 PROGRAM INSENTIF PENERBITAN FILEM DI MALAYSIA,
 PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (FINAS)
 DI BAWAH KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (KKMM)


3. TINDAKAN SUSULAN KE ATAS SYOR-SYOR PAC PARLIMEN

- 3.1. Syor 1: FINAS perlu melaksanakan penilaian *outcome* bagi mengukur prestasi dan pencapaian program untuk menggalakkan perkembangan dan kemajuan industri kandungan tempatan di samping mempromosikan Malaysia sebagai destinasi menarik bagi penggambaran filem luar negara.**

Maklum Balas KKMM/FINAS

- 3.1.1. FINAS telah melantik syarikat perunding, Ipsos Sdn Bhd bagi menjalankan kajian Impak FIMI Ke atas Industri Kandungan Kreatif Negara pada 7 Januari 2021.
- 3.1.2. Kajian ini mengambil masa enam (6) bulan (15 Januari 2021 sehingga 14 Julai 2021) dan skop kajian meliputi data dari tahun 2016 sehingga 2020.

Jadual 5: Garis Masa Kajian Impak FIMI Ke Atas Industri Kandungan Kreatif Negara



3.1.3. Perincian Skop Kajian adalah seperti berikut:

Jadual 6: Perincian Skop Kerja bagi Kajian Impak FIMI Ke atas Industri Kandungan Kreatif Malaysia

SKOP	PERINCIAN
Pengumpulan Maklumat dan Data Operasi FIMI	<ul style="list-style-type: none"> Analisis impak ekonomi secara langsung, tidak langsung dan kesan FIMI; Aliran pelaburan dan perbelanjaan.
Impak Kepada Ekonomi Negara Secara Kuantitatif Melalui Model Input-Output	<ul style="list-style-type: none"> Mengenal pasti sub-sektor industri yang berada di dalam rantaian ekonomi FIMI; Impak kepada KDNK, pekerjaan dan lain-lain.
Penilaian Faedah FIMI Kepada Ekonomi Negara	<ul style="list-style-type: none"> Menilai kos peruntukan FIMI mengikut sektor; Analisis tempoh yang ditetapkan bagi Perbelanjaan Produksi di dalam Malaysia/<i>Qualifying Malaysia Production Expenditure (QMPE)</i>; Keseimbangan perdagangan yang dihasilkan; Analisa pulangan cukai kepada Negara; Penilaian penglibatan syarikat produksi tempatan dan antarabangsa; Peranan dalam mewujudkan peluang pekerjaan; Impak kepada sektor pelancongan Negara.
Analisis Penanda Aras FIMI	<ul style="list-style-type: none"> Daya saing berbanding insentif lain; Keberkesanannya terhadap ekosistem kepada Industri Kandungan Kreatif Negara.
Memaksima Keberkesanannya FIMI	<ul style="list-style-type: none"> Memperkasa kedudukan FIMI di peringkat antarabangsa; Meningkatkan impak secara efektif; Pengumpulan data.
Cadangan Perubahan bagi Memaksima Impak FIMI	

3.2. Syor 2: FINAS perlu memastikan pengeluaran filem yang kreatif dan berkualiti tinggi serta melahirkan bakat tempatan untuk menarik pasaran antarabangsa.

Maklum Balas KKMM/FINAS

3.2.1. Bagi memastikan pengeluaran filem yang kreatif dan berkualiti tinggi serta melahirkan bakat tempatan, FINAS telah memastikan strategi-strategi seperti berikut:

- **Pembangunan Modal Insan** - FINAS menyediakan platform kepada penggiat industri untuk meningkat dan memantapkan pengetahuan dan kemahiran melalui penganjuran kursus, bengkel dan seminar di peringkat asas sehingga profesional seperti program *CHILL*, bengkel asas dan *masterclass*.
- **Dana Kandungan Digital (DKD)** - Menyediakan beberapa jenis geran yang bersesuaian untuk membantu penggiat industri kandungan kreatif dalam penghasilan karya seperti Dana Dokumentari, Dana TV/OTT, Dana Filem Cereka, Dana Mikro, Dana Pemasaran dan Dana Pesanan Khidmat Awam (PSA).
- **FIMI** - Meningkatkan perkembangan kemahiran & pengetahuan kru tempatan melalui perkongsian teknologi daripada produksi antarabangsa.
- **Akreditasi** - Program akreditasi FINAS bersama *Malaysia Board of Technology* (MBOT) kepada penggiat industri kandungan kreatif adalah untuk memberi penarafan bakat yang melayakkan mereka menjadi sumber rujukan kepada penggiat industri lain dan dapat meluaskan kerjaya sehingga ke peringkat antarabangsa.

*LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KOMUNIKASI & MULTIMEDIA MALAYSIA (KKMM)
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR9/2019) BERHUBUNG
PROGRAM INSENTIF PENERBITAN FILEM DI MALAYSIA,
PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (FINAS)
DI BAWAH KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (KKMM)*


3.2.2 Antara projek-projek domestik FIMI yang berjaya melahirkan bakat tempatan dan berkualiti tinggi dari tahun 2017 sehingga 2020 adalah seperti berikut :

Jadual 7: Antara Projek- Projek Domestik yang Menerima Pengiktirafan Di Peringkat Luar Negara

KATEGORI	TAJUK PROJEK	TAHUN PENERBITAN	QMPE (RM)/ JUTA	REBAT (RM)/ JUTA	BIL. KRU TEMPATAN (ORANG)	PELAKON TEMPATAN
Antarabangsa	<i>Rajah Brooke</i>	2019	22	6.6	360	Bront Palarae, Shaheizy Sam, Peter John Jaban dan Kahar Jimi
	<i>The Mandalorian 1 & 2</i> <i>Star Wars</i>	2019 & 2020	7.7	2.31	112	-
	<i>Crazy Rich Asians</i>	2017	49.5	14.8	425	Henry Ewan Golding, Michelle Yeoh & Carmen Soo
Tempatan	<i>The Garden of Evening Mist</i>	2018	16.1	4.4	268	-
	<i>The Bridge Season 2</i>	2019	3.79	1.13	200	Bront Palare, Wan Hanafi Su, Fikry Ibrahim dan Chew Kin Wah

3.2.3 FIMI telah mewujudkan **6,349 peluang pekerjaan** dari tahun 2016 sehingga 2020 bagi kru dan pelakon tempatan yang terdiri daripada pereka set, pereka kostum, tatarias, pembantu produksi, pelakon, jurukamera, pembantu teknikal dan peninjau lokasi (*location scouting*). Jumlah pekerjaan yang telah terhasil melalui insentif ini adalah seperti berikut:

Graf 1: Jumlah Pekerjaan yang Terhasil Melalui FIMI



3.2.4 FINAS sentiasa memberi penekanan kepada penghasilan produk-produk yang kreatif dan berkualiti tinggi sepanjang pelaksanaan program FIMI dari 2013 hingga sekarang. Di samping itu, fokus utama juga diberikan kepada pemerkasaan bakat-bakat tempatan (*cast & crew*) di setiap projek FIMI. Syarat minimum 30% penggunaan kru dan pelakon tempatan telah dikenakan kepada setiap pemohon FIMI. Sebagai contoh, satu projek filem antarabangsa berjudul *White Rajah* telah menggunakan hampir 80% krew tempatan. Filem ini juga telah mengambil beberapa orang pelakon tempatan seperti Datuk Rahim Razali, Bront Palarae, Shaheizy Sam, Peter John Jaban dan Kahar Jimi untuk memegang watak-watak utama di samping pelakon Hollywood seperti Jonathan Rhys Meyers dan Dominic Monaghan. Filem ini telah selesai menjalani penggambarannya di sekitar Kuching, Sarawak pada penghujung Oktober 2019.

3.3 Syor 3: FINAS perlu menjalankan kajian terperinci sama ada rebat atau pemberian geran adalah mekanisme pembayaran terbaik untuk mencapai objektif utama FIMI.

Maklum Balas KKMM/FINAS

- 3.3.1 KKMM berpandangan, pemberian rebat adalah mekanisme yang terbaik setakat ini bagi mencapai objektif utama FIMI iaitu menarik pelaburan asing ke dalam negara melalui aktiviti profileman serta memberikan peluang pekerjaan kepada kru dan pelakon tempatan.
- 3.3.2 KKMM melalui FINAS juga menyediakan kemudahan geran iaitu Dana Kandungan Digital (DKD) yang diperkenalkan pada tahun 2016. DKD terbahagi kepada Dana Dokumentari, Dana TV/OTT, Dana Filem Cerea, Dana Mikro, Dana Pemasaran dan Dana Pesanan Khidmat Awam (PSA).
- 3.4 Syor 4: FINAS hendaklah menyediakan skop dan perincian tuntutan serta menambah baik tatacara tuntutan dan pembayaran rebat di peringkat *Provisional Certificate (PC)* dan *Final Certificate (FC)* secara khususnya dan menambah baik proses pembayaran rebat secara amnya bagi mengelakkan ketirisan dan perbelanjaan yang tersasar.**

Maklum Balas KKMM/FINAS

- 3.4.3 Mulai Januari 2019, FINAS telah menambah baik garis panduan tuntutan bayaran rebat dengan mensyaratkan supaya semua perbelanjaan yang dibuat di Malaysia perlulah mempunyai kontrak. Sebagai contoh, bayaran bagi pembelian makanan pekerja kru produksi perlulah mempunyai kontrak katering.

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KOMUNIKASI & MULTIMEDIA MALAYSIA (KKMM)
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR9/2019) BERHUBUNG
PROGRAM INSENTIF PENERBITAN FILEM DI MALAYSIA,
PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (FINAS)
DI BAWAH KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (KKMM)**

- 3.4.4 FINAS telah turut menambah baik proses pembayaran rebat dengan melantik seorang wakil daripada Bahagian Kewangan FINAS pada 27 September 2018 ke dalam Jawatankuasa FIMI bagi menasihati dan memerhati pengurusan pembayaran rebat.
- 3.4.5 Tempoh pembayaran rebat telah dipendekkan kepada 4 bulan 21 hari berbanding 6 hingga 8 bulan sebelum ini, bermula Januari 2019 selaras dengan teguran Jabatan Audit Negara melalui Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Siri 1 Tahun 2018.
- 3.5 Syor 5: FINAS hendaklah memantau dan menyimpan laporan dan kertas kerja pengauditan yang dijalankan oleh firma audit secara teratur.**

Maklum Balas KKMM/FINAS

- 3.5.1 FINAS telah menyediakan sistem dan tempat penyimpanan rekod yang teratur mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2007: Panduan Pengurusan Pejabat mulai **11 Mac 2020**.
- 3.6 Syor 6: FINAS harus mengambil kira keperluan meraih manfaat menerusi setiap pelaburan yang dibuat khususnya dalam aspek promosi dan pemasaran.**

Maklum Balas KKMM/FINAS

- 3.6.1 Penetapan FINAS bagi semua penerima rebat FIMI perlulah meletakkan elemen/gambaran berkaitan Malaysia sebagai salah satu aspek promosi dan pemasaran seperti memasukkan nilai kebudayaan dan elemen Malaysia. Contoh projek : *Ghost Bride* yang telah ditayangkan di *Netflix*, memaparkan nilai-nilai kebudayaan Baba Nyonya Melaka/Pulau Pinang seperti pakaian dan cara hidup.

- 3.6.2 Selain daripada itu, setiap pemohon yang menerima rebat FIMI adalah wajib meletakkan *credit title* seperimana yang tertakluk di dalam *Provisional Certificate FIMI*. Pemohon juga digalakkan untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi penggambaran filem.
- 3.7 **Syor 7: Kontrak perjanjian formal antara FINAS dengan firma audit hendaklah disediakan dengan jelas dan terperinci serta menjamin kepentingan Kerajaan.**

Maklum Balas KKMM/FINAS

- 3.7.1 Pihak FINAS telah menyediakan **kontrak perjanjian formal** dengan syarikat panel audit mulai **17 Disember 2020**.
- 3.7.2 Sehingga kini tiga (3) syarikat panel audit telah dilantik

4. HALA TUJU FIMI

- 4.1 KKMM dan FINAS dalam proses mengkaji penurunan QMPE domestik dari tiga kategori kepada satu kategori iaitu perbelanjaan minimum dari **RM1.5 juta kepada RM1 juta** dan memberi **30% rebat tunai**.
- 4.2 QMPE pasca produksi bagi permohonan domestik juga disyorkan untuk dikurangkan dari **RM500 ribu kepada RM250 ribu** bagi setiap projek dan akan diberikan **30% rebat tunai**.
- 4.3 Produksi antarabangsa yang memaparkan budaya atau ikon Malaysia dicadangkan untuk diberikan rebat tambahan sebanyak 5% (*culture test: 30% + 5%*).
- 4.4 Melantik lebih banyak syarikat panel audit tempatan bagi pengauditan projek-projek domestik FIMI.

*LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KOMUNIKASI & MULTIMEDIA MALAYSIA (KKMM)
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR9/2019) BERHUBUNG
PROGRAM INSENTIF PENERBITAN FILEM DI MALAYSIA,
PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (FINAS)
DI BAWAH KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (KKMM)*

5. PENUTUP

PAC Parlimen mengambil maklum terhadap tindakan susulan yang diambil ke atas syor-syor PAC Parlimen oleh KKMM/FINAS selaras dengan Perkara 304(b), Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008).

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN KE 14